

## Kegiatan Masyarakat

Tan Sri Lee Lam Thye merupakan seorang *workaholic*. Pada ketika ini, beliau terlibat secara langsung dengan tiga kementerian utama iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri. Beliau turut memperuntukkan 30% masa beliau untuk aktiviti kemasyarakatan bersama pihak swasta. Selain itu, dalam usahanya memperjuangkan kebajikan pekerja dan keluarga pekerja, kepentingan pembangunan sumber insan dalam bentuk pendidikan kanak-kanak memperlihatkan kumpulan ini mempunyai harapan baru dalam menempuhi kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan melalui keprihatinan yang diberikan oleh seseorang pemimpin. Misalnya, melalui peluang pendidikan, kemudahan asas dan persekitaran yang lebih selamat, terutamanya tumbesaran kanak-kanak.



Penyerahan sumbangan meja dan kerusi kepada SJK(C) Chung Hwa, Kota Kinabalu, Sabah.

Perkara ini telah diterjemahkan dalam usaha beliau di Yayasan SP Setia. Beliau merupakan Pengerusi Yayasan SP Setia. Yayasan ini telah ditubuhkan pada tahun 2000 yang bertujuan untuk membantu individu yang kurang bernasib baik dan badan-badan kebajikan lain. Tumpuan utama yayasan ini adalah dalam bidang pendidikan, khususnya dalam program Anak Angkat Setia, kebajikan dan kesihatan. Tujuan utama penubuhan yayasan ini adalah untuk memastikan mereka yang layak, mendapat pendidikan sewajarnya di semua peringkat dari sekolah rendah sehingga ke universiti. Melalui Program Setia Angkat, bantuan pendidikan bernilai RM1,000.00 setahun diberikan kepada setiap 2,300 murid yang telah diambil sebagai anak angkat di sekitar Selangor, Johor Bahru, Kedah, Pahang, Kuala Lumpur, Perlis dan Pulau Pinang. Pada bulan Mei 2012, Yayasan SP Setia juga telah menyumbangkan sebanyak 500 set meja dan kerusi bernilai RM59,500.00 untuk kemudahan pelajar SJK (C) Chung Hwa, Kota Kinabalu.



Penyerahan Pusat Pembelajaran Komuniti di Kampung Kalamun, Keningau.

Beliau turut menjelaskan bahawa aktiviti khidmat sosial yayasan ini telah melebarkan sayapnya ke Sabah. Malah, dalam temu bual penulis bersama beliau, Tan Sri sempat bergurau bahawa Sabah ibarat rumah kedua berikutan kekerapan beliau berulang-alik ke Negeri di Bawah Bayu sejak akhir-akhir ini. Antara penglibatan terkini aktiviti kemasyarakatan beliau di Sabah adalah seperti Program Setia Tinangkaanak yang telah menyumbangkan RM150,000.00 kepada tiga komuniti pedalaman di Sabah iaitu di Kampung Kalampun, Kampung Kibunut dan Kampung Togudon untuk membina tadika. Selain itu, sebuah pusat pembelajaran untuk kanak-kanak bernilai RM118,000.00 telah dibina di Kampung Kalampun, Keningau sebagai bukti yayasan ini mengutamakan pendidikan awal bagi kanak-kanak.



Program Anak Angkat Setia di Keningau.

Sebagai seorang aktivis sosial yang prihatin terhadap golongan yang tidak berkemampuan, beliau sanggup turun padang untuk melawat dan bertanya masalah rakyat walaupun berada di tempat yang sukar untuk dikunjungi oleh orang kebanyakan. Oleh kerana sikap beliau yang sangat mengambil berat tentang kebajikan penduduk setinggan ini, maka beliau amat disayangi dan dihormati oleh rakyat yang mengenalinya. Acap kali penduduk yang dikunjungi sangat terharu dengan kedatangan beliau. Penghargaan dan rasa berterima kasih memperlihatkan bahawa golongan bertaraf rendah yang terdiri dalam kalangan masyarakat miskin mengetahui akan pentingnya rasa bersyukur dan berterima kasih. Dedikasi dan sikap ambil berat mendalam yang ditunjukkan menjadi satu inspirasi yang mengukuhkan dan memberi kekuatan khususnya terhadap golongan miskin. Hal ini menjadi satu teladan kepada pemimpin-pemimpin yang lain dalam memperbaiki dan meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat miskin kerana beliau merupakan seorang yang bertanggungjawab dan mempunyai nilai-nilai murni dalam diri beliau yang tidak mengira golongan tua muda, daif miskin, mahupun golongan istimewa. Begitulah kesungguhan seorang aktivis sosial dalam mengambil berat hal ehwal masyarakat sekeliling. Keprihatinan ini menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang pejuang masyarakat yang berfungsi sebagai medium pengantara dalam segenap lapisan masyarakat.



Keprihatinan kepada pendidikan generasi muda.

Pendermaan organ bukan isu baru di negara ini. Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ di bawah naungan Kementerian Kesihatan Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1999. Ia bertindak sebagai jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi mempertingkatkan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat di Malaysia melalui promosi pendermaan organ, ceramah, seminar dan sebagainya. Ia juga bertanggungjawab dalam melaksanakan penyelidikan bagi menentukan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat, serta bekerjasama dengan badan bukan kerajaan atau swasta bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan secara usaha sama. Selain itu, ia turut berperanan untuk mempertingkatkan bilangan pengikrar pendermaan organ di Malaysia.



Sumbangan van kepada MAA Medicare Kidney Charity Fund.

Pada masa ini, jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Tan Sri Lee Lam Thye dan beliau secara aktif telah mempromosi kempen pendermaan organ di Malaysia dengan menumpukan kempen di sekolah, kolej dan universiti seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran golongan muda tentang kepentingan menderma organ. Sejak program ini mulai diperkenalkan lebih sedekad yang lalu, Pusat Sumber Transplan Nasional dari 1997 hingga September 2012 menunjukkan hanya 0.7% atau 205,478 daripada jumlah keseluruhan penduduk negara ini (28.3 juta) mendaftar sebagai pengikrar penderma organ kardeverik. Statistik juga mendapati bahawa wanita yang lebih ramai menandatangani ikrar mendermakan anggota tubuh masing-masing dengan membabitkan 112,224 orang. Jumlah itu membentuk 55% daripada 205,478 penderma di seluruh negara dengan lelaki pula seramai 92,263 orang atau 45%. Selain angka yang besar dalam kalangan penderma wanita, beliau turut bangga dengan kesediaan belia berumur antara 25 hingga 35 tahun yang mewakili lebih 60% daripada jumlah keseluruhan penderma.



Sumbangan mesin dialisis kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan.

Dalam usaha mewujudkan masyarakat penyayang, usaha-usaha sebegini adalah suatu yang sangat bermanfaat kepada masyarakat. Kekurangan pendedahan, kefahaman dan maklumat berkaitan pendermaan organ merupakan antara penyebab kekurangan individu tampil untuk mendaftar sebagai penderma organ. Justeru, selaras dengan perkembangan teknologi maklumat, usaha mendaftar pendermaan organ secara atas talian di laman web Pusat Sumber Transplan Nasional telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehubungan dengan kemalangan di kawasan pelancongan pula, Pengerusi NIOSH ini menggesa agensi-agensi yang berkaitan dan pihak berkuasa meningkatkan keselamatan di pantai di seluruh negara memandangkan bilangan kematian akibat lemas yang semakin meningkat setiap tahun. Baginya, satu strategi pengurusan keselamatan yang strategik harus disediakan dan dilaksanakan dengan berkesan untuk

mencegah tragedi seperti itu. Jika keselamatan di pantai tidak ditangani dengan betul, ia cenderung untuk menjadi satu isu yang kritikal seperti mana perhatian diberikan kepada perlindungan alam sekitar dan perkara-perkara berkaitan yang lain.

Dalam ucapan beliau, beliau turut menggariskan banyak faktor yang menyebabkan lemas seperti akses yang tidak terhad dan persediaan pelancong untuk ke pantai, kekurangan pengetahuan dan kefahaman mengenai keadaan air, kejahilan, pengabaian atau silap perhitungan tentang keadaan air yang berbahaya dan kekurangan kesedaran tentang keselamatan air. Semua ini adalah tanggungjawab organisasi, agensi dan pihak berkuasa dengan bidang kuasa ke atas kawasan pantai untuk mengenal pasti dan sebaik-baiknya meminimumkan risiko kecederaan atau kematian akibat lemas tersebut. Selain daripada pendidikan mengenai amalan selamat semasa melakukan aktiviti air, Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye turut berpendapat rakyat juga perlu memberi sokongan untuk penyeliaan kawasan pantai dan tempat tarikan yang lain dan perundangan sokongan yang memerlukan penggunaan alat-alat pengapungan peribadi untuk dipakai semasa di dalam air.

Berhubung dengan usaha pemuliharaan hidupan laut, Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye menegaskan tentang keperluan untuk mewujudkan satu undang-undang yang mengharamkan pemburuan jerung di perairan negara. Laporan yang memetik pemuliharaan jerung di Sabah turut menyentuh tentang amalan pembunuhan berleluasa dan tidak berperikemanusiaan ikan jerung bagi tujuan komersial di perairan sekitar negeri Sabah. Dengan pandangan ini, beliau berpendapat tiba masanya pihak berkuasa untuk mengambil tindakan yang sewajarnya



untuk menangani masalah tersebut untuk memastikan kelestarian marin dan ekopelancongan di Sabah.

## Aktivis Sosial dan Kesejahteraan Masyarakat

Peranan aktivis sosial sering kali disinonimkan dengan peranan sukarelawan. Pengetahuan cetek memungkinkan penyamaan peranan ini diterima secara meluas memandangkan dari satu sisi, kedua-duanya melibatkan peruntukan tenaga, luangan masa dan ada kalanya sumbangan kewangan yang memberi faedah kepada komuniti dan masyarakat. Tidak seperti sukarelawan yang sekadar memberi khidmat bantuan, aktivis sosial membawa peranan yang jauh lebih besar. Aktivis sosial berperanan sebagai penggerak dan mengukuhkan suatu idea asas yang berupaya membentuk landskap kekal dalam masyarakat ideal (Mohamed Imran Mohamed Taib, 2006). Oleh yang demikian, memberikan gelar 'aktivis sosial' bukanlah semudah menyebutnya lantaran terdapat dua elemen utama yang perlu ada pada individu tersebut. Pertama, perlu ada *sense of historical mission* yang mana individu perlu sedar akan peranan pentingnya dalam proses transformasi sosial. Dalam konteks ini, ia bermaksud seorang aktivis sosial perlu sedar bahawa kondisi masa kini dibentuk oleh sejarah lalu dan pada masa yang sama tindakan manusia pada hari ini akan menentukan rupa bentuk sejarah pada masa hadapan.

Kedua, seorang aktivis sosial perlu mempunyai keprihatinan tulus kepada manusia atau *genuine concern for people*. Dia perlu mempunyai rasa empati yang semula jadi, bukan sengaja dilakonkan atau dibuat-buat demi mencapai populariti dan sokongan dalam masyarakat. Empati lakonan sekadar ekspresi yang dizahirkan tanpa ada sebarang emosi. Impaknya adalah penilaian ke atas masyarakat berdasarkan lensa yang terasing dan terpisah jauh dari gambaran realiti masyarakat. Sebaliknya, empati tulus menghimpun rasa simpati tulus tanpa menghukum, malah menerbitkan rasa kebertanggungjawaban untuk memperbaiki kepincangan yang ada.